

SADIS HARUAN MAKAN ANAK

MIRA DIPERKOSA ABANG SENDIRI

Wajah itu kelihatan tenang tika bercerita. Namun tiada siapa yang dapat meneka gelora dan luka yang ditanggunginya. Sesekali dia melemparkan pandangan kosong. Mira letakkan nama sebenar antara mangsa nafsu serakah seorang abang. Lima tahun dia bagaikan hamba kepada insan berhati binatang. Bukan sekali dua, bahkan setiap kali dia dihantar dan dijemput dari sekolah.

Ketika itu Mira masih di sekolah rendah. Setelah melepaskan nafsu, lelaki durjana itu berbisik dengan nada lembut agar tidak menceritakan apa yang berlaku walau kepada sesiapa pun. Jika tidak, ibu dan ayah mereka akan terima padah. Dia akur kerana tidak memahami apa yang berlaku. Sehinggaalah meningkat remaja dan tahu apa yang dilakukan oleh Faris (nama samaran) selama ini salah. Perbuatan terkutuk itu hanya terhenti setelah kakak mengambil alih tugas tersebut.

Perasaan benci dan dendam pada abang membuak-buak. Namun Faris bersikap seperti tidak ada apa yang berlaku. Sehingga hini Mira menyimpan pekung yang sarat di dada. Tiada siapa pun yang tahu kecuali suami tercinta. Sebelum menerima lamaran jelek itu Mira menceritakan apa yang berlaku. Dia bersyukur, si dia menerima kekurangan diri seadanya. Malah sentiasa menasihati agar melupakan kisah hitam itu. Namun, bukan mudah untuk dia melupakan bayang hitam yang sentiasa menghantuinya. Apapun hini dia bahagia dengan suami dan anak-anak tercinta serta kerjaya yang baik.

Gambar hiasan

ITU ANTARA KISAH YANG TERJADI DALAM MASYARAKAT. SUMBANG MAHRAM BUKANLAH PERKARA BARU. NAMUN, BUKAN SEMUA KES BERJAYA DIBAWA KE MUKA PENGADILAN, SEBAGAIMANA BERLAKU PADA MIRA SEPERTI DICERITAKAN DI ATAS. MALAH MASIH RAMAI YANG TERPAKSA MENDIAMKAN DIRI ATAS 1,001 SEBAB, ALASAN DAN KEKANGAN. DERITA DAN PERIT TERPAKSA DIPENDAM SENDIRI. SEMENTARA SI DURJANA TERUS BERMAHARAJALELA TANPA RASA BERSALAH.



Gambar hiasan

Baru-baru ini kita sekali lagi dikejutkan oleh berita seorang bapa berhadapan dengan pertuduhan membabitkan kesalahan mengikut Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 serta Akta Kanak-kanak 2016. Berdasarkan semua pertuduhan, bapa durjana itu berhadapan dengan hukuman penjara 3,000 tahun, di samping sebatan. Selain itu hampir setiap hari ada sahaja membabitkan kes sumbang mahram dilaporkan di media. Sangat sadis!

Kenapakah ini berlaku? Di manakah nilai kasih sayang dan sifat pelindung seorang lelaki bergelar bapa atau abang? Usah kita bercakap soal dosa dan pahala, atau iman dan takwa dengan mereka yang bernafsu serakah begini, kerana semua itu sudah tiada nilainya lagi. Jika binatang pun paling wajar diberikan buat manusia seperti ini? Namun, usah juga kita tertalu beremosi. Barangkali ada carik yang harus ditampal, ada pincang yang harus dipancang.

Untuk memperincikan tentang peruntukan undang-undang, gejala kecenderungan, aspek tingkah laku, pemikiran pelaku serta kesan terhadap mangsa langkah yang perlu diambil bagi mengekang masalah tersebut, majalah HARMONI

melontarkan persoalan itu kepada peguam cara dan peguam bela, Mohd. Fadly Hashim dan Zamri Idrus serta pakar psikiatri Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan, Dr. Rozanizam Zakaria. Selain itu HARMONI turut menemu bual banduan yang pernah terlibat bagi mengetahui cerita lanjut bagaimana dia boleh terjebak dalam perbuatan tersebut.

Daripada aspek peruntukan undang-undang berkaitan kes sumpama ini Mohd. Fadly menjelaskan, "Secara umum masyarakat melihat definisi 'haruan makan anak' adalah perbuatan sumbang yang dilakukan oleh bapa dan abang mangsa. Sedangkan mengikut istilah undang-undang pengertiannya lebih menyeluruh dan tidak terhad kepada ayah atau abang sahaja. Bahkan melibatkan keluarga rapat yang tidak boleh dinikahi."

"Sumbang mahram tidak hanya melibatkan perbuatan rogol sahaja, tetapi juga cabul, liwat dan seks di luar tabii. Semua itu mempunyai peruntukan undang-undang tersendiri. Ini menunjukkan ia satu kesalahan yang sangat serius, melibatkan jenayah seksual. Sebelum ini kes seperti ini diletakkan di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan, kemudian ditambah dan diperincikan perbuatan tersebut demi menjaga kemaslahatan mangsa."

"Melalui Kanun Keseksaan Akta 574 di bawah Seksyen 376B ada menyebut, 'hukuman penjara boleh dikenakan tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun serta boleh dikenakan sebatan'. Biasanya kes melibatkan sumbang mahram

tidak dibenarkan untuk diikat jamin. Ini bagi memastikan keselamatan mangsa dan perkara yang sama tidak berulang," tegasnya.

KEMBALI KEPADA SUMBER

Tambah Fadly, "Mungkin pada asalnya bapa atau abang tidak mahu melakukan perbuatan sumbang itu, tetapi apabila mereka melihat peluang dan mendapat rangsangan, maka berlakulah perkara yang tidak diinginkan seperti ini. Umum mengetahui sebilangan mangsa adalah anak yang tinggal bersama bapa setelah kedua-dua orang tua mereka berpisah. Harus juga diingat, banyak juga kes yang ibu bapa mereka pada 'luarannya' tiada masalah dan mereka tinggal bersama ibu, ayah dan abang dalam sebuah rumah."

Peguam berpengalaman ini menjelaskan, "Biasanya masyarakat mewar-warkan ia berlaku secara kekerasan. Sebenarnya tidak. Kebanyakan sumbang mahram dilakukan secara halus, sehingga mangsa mengikut setiap kemahuan pelaku."

Sementara di pihak ibu pula, sebaik sahaja mengetahui apa yang berlaku, selidiklah terlebih dahulu, tanya dan minta penjelasannya. Tapi jangan sampai mengambil masa terlalu lama. Usah takut untuk membawa suami ke muka pengadilan. Perlu diingat bahawa suami yang mempunyai tabiat seperti ini akan sentiasa mengulangi perbuatan itu dan akan berlanjutan sehingga anak tadi dewasa.

Menyedari betapa seriusnya perbuatan tersebut beliau menyarankan, "Antara yang boleh dilakukan ialah, ibu, bapa dan guru-

guru perlu memberikan pendedahan kepada pelajar dan anak-anak tentang apa itu sumbang mahram, agar mereka faham dan jelas tentang perbuatan tersebut. Tidak salah kalau nak bermanja, tetapi mesti ada had hadnya. Oleh itu ibu perlu memainkan peranan, bijak dan peka dengan memberi maklumat awal. Sebaik-baiknya sejak anak-anak masih kecil."

"Usah segan untuk bercerita kepada mereka tentang had, batas pergaulan dan sentuhan antara dia dengan ayah atau abang. Dalam masa yang sama, ceritakan mana boleh dan mana yang tidak boleh dilakukan. Sebagai contoh, beritahu anak agar jangan membiarkan ayah atau abang menyentuh dada atau anggota-anggota tertentu pada badan mereka. Kalau dipertakutkan juga, minta si anak tadi segera memberitahu ibu, terutama bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah. Ini kerana banyak kes sumbang mahram melibatkan bapa atau abang, sama ada abang kandung atau abang tiri."

Secara umum kanak-kanak dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu 12 tahun ke bawah dan 12 tahun ke atas. Penjelasan juga perlu dilakukan mengikut peringkat umur mereka. Bagi yang berada di sekolah menengah, informasi itu boleh diberikan secara lebih terperinci dan menyeluruh.

Tegasnya, "Perbuatan sebegini bukan terhad kepada anak perempuan sahaja, bahkan turut berlaku kepada anak lelaki. Ia melibatkan kes liwat atau seks di luar tabii. Justeru ibu perlu sentiasa memantau telefon anak-anak agar mereka tidak melihat atau melayan laman sesawang yang tidak sepatutnya."



Mohd. Fadly Hashim

USAH MENGUNDANG PELUANG

Sementara Zamri Idrus pula menegaskan, usah memandang remeh kepada perkara yang boleh mengundang berlakunya perkara sebegini. Pilihan di tangan kita. Sama ada mahu mencegah sebelum ia berlaku atau mahu menyesali setelah ia terjadi. Proses undang-undang, hukuman dan sebatan tidak akan mengembalikan apa yang kanak-kanak itu telah hilang. Walau berapa lama sekalipun hukuman dijatuhkan, walau berapa banyak sebatan dikenakan kepada penjenayah itu sekalipun, ia tidak mampu mengubah keadaan.

Gambar hiasan



Gambar hiasan

Baginya, mencegah lebih baik daripada menangi apa yang berlaku. Malah peguam berpengalaman ini turut menyarankan beberapa langkah yang perlu diambil oleh si ibu. Antaranya:

- Jaga pemakaian anak-anak, terutama anak perempuan biarpun ketika berada di rumah. Seelok-eloknya biarlah mereka berpakaian lengkap.
- Elakkan anak-anak perempuan berpakaian nipis dan menjolok mata.
- Ibu perlu faham dan memahamkan anak-anak tentang hal-hal berkaitan seksual.
- Nasihati anak-anak supaya kunci pintu dari dalam sewaktu berada di dalam bilik.
- Sekiranya ini berlaku ibu perlu berani untuk tampil dan melaporkan kepada pihak berkuasa tentang kejadian tersebut.
- Ibu perlu bersedia untuk mengambil risiko demi keselamatan dan masa depan anak.

Tambah Zamri, "Dari sudut undang-undang, keberangkilian untuk kanak-kanak menipu tidak ada. Dan, keterangan kanak-kanak boleh diterima di mahkamah serta termaktub di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007"

Beliau turut menekankan tentang peranan jiran untuk melaporkan hal seperti ini. Mereka perlu segera bertindak apabila si anak menceritakan apa yang terjadi kepada kawannya, demi menyelamatkan mangsa dari terus menjadi habuan manusia yang berhati binatang.

PELAKU TAHU PERBUATAN ITU SALAH


Sementara itu Dr. Rozanizam turut bersetuju dengan apa yang dijelaskan di atas menambah, "Faktor pencetus kepada kejadian 'incest' ini disebabkan pelaku mempunyai perhubungan langsung dengan mangsa dan berpeluang untuk melakukannya. Sebagai contoh, mereka tinggal serumah, mempunyai masa untuk berdua-duaan tanpa kehadiran orang lain dan keadaan mangsa itu sendiri yang takut dengan pelaku."



Gambar hiasan

Jelasnya, "Dalam kebanyakan kes, mangsa terlalu bergantung kepada pelaku, terutama dalam aspek kewangan. Faktor tersebut memberi peluang kepada pelaku untuk memanipulasi mangsa. Selain itu, faktor dalaman seperti nafsu, dorongan seksual yang tinggi serta pertimbangan moral yang pincang akibat kurangnya iman juga antara faktor pencetus kepada perilaku tidak bermoral ini."

"Dalam ilmu psikologi, satu istilah yang dikaitkan dengan perilaku ini dipanggil 'amygdala hijack', iaitu keadaan di mana bahagian otak yang mengawal emosi manusia mendominasi sehingga bahagian otak yang mengawal pertimbangan



Dr. Rozanizam

rasional manusia tidak dapat berfungsi dengan baik. Dalam keadaan ini, pertimbangan perilaku seseorang didominasi oleh emosi menyebabkan mereka gagal menilai sudut baik dan buruk kepada sesuatu perilaku."

"Dorongan emosi dan nafsu yang terlalu kuat akibat pengaruh luar seperti pornografi, dadah, alkohol dan sebagainya membuatkan mereka bertindak di luar batas kemanusiaan tanpa memikirkan akibat dan kesan perbuatan tersebut. Oleh itu perasaan mialu, kasihan dan empati kepada mangsa hilang sama sekali," katanya lagi.

Tambah Dr. Rozanizam, "Dalam kebanyakan kes, pelaku tahu perbuatan itu salah. Namun atas pelbagai faktor seperti dijelaskan di atas, termasuk berkeupayaan menyembunyikan perilaku menyebabkan mereka mengulangi perbuatan tersebut. Biasanya pelaku mengikut, mengancam, melakukan penderaan fizikal atau memberikan wang untuk menyembunyikan perbuatan terkutuk itu."

Dalam pada itu beliau turut menjelaskan bahawa pelaku yang berada dalam pengaruh dadah atau mengalami masalah mental masih boleh dijatuhkan hukuman, mengikut prosedur perundangan dan kehakiman yang selayaknya. Bagaimanapun tahap kesihatan mentalnya perlu dinilai dan disahkan oleh pakar forensik psikiatri.

“Dorongan emosi dan nafsu yang terlalu kuat akibat pengaruh luar seperti pornografi, dadah, alkohol dan sebagainya membuatkan mereka bertindak di luar batas kemanusiaan tanpa memikirkan akibat dan kesan perbuatan tersebut.”

Berdasarkan kajian yang dilakukan, gejala 'incest' ini boleh dikenal pasti. Malah kebanyakan kes berlaku dalam keluarga yang ramai ahli tinggal bersama, keluarga daripada sosioekonomi yang rendah, keluarga yang mengalami masalah perhubungan seperti penceraian, penderaan dan pergaduhan serta keluarga yang tidak mementingkan aspek akhlak dan keagamaan. Faktor-faktor lain termasuklah, pelaku pernah terdedah kepada aktiviti seksual, pernah melihat perilaku seksual ibu bapa atau tabiat pornografi ketika kecil.

KENALI PERUBAHAN EMOSI MANGSA

Bagi mangsa pula, biasanya berlaku perubahan emosi dan personaliti, seperti murung, hilang minat, takut, mudah cemas, selalu menyendiri atau apa jua perubahan yang tidak normal.

“Perubahan emosi selalunya memberi indikasi penting kepada masalah dalaman golongan ini. Oleh itu jangan mengambil ringan terhadap perubahan itu. Beri mereka ruang dan kepercayaan untuk meluahkan pengalaman. Apa yang penting, ibu bapa dan penjaga perlu sentiasa peka dengan sebarang perubahan pada anak-anak dan ahli keluarga,” tegasnya.

Sungguhpun kebanyakan mangsa di kalangan kanak-kanak dan remaja, tapi pelaku tidak semestinya dikategorikan sebagai pedofilia. Mangsa memilih golongan ini atas faktor seperti dijelaskan di atas.

Dalam keadaan ini mangsa terdedah kepada pelbagai kesan fizikal dan psikologi. Antara kesan psikologi yang sering berlaku adalah masalah gangguan stres pasca-trauma (*post-traumatic stress disorder*). Ia diikuti trauma yang berulang dalam bentuk imbas balik, mimpi ngeri, takut, kerisauan yang melampau, mudah terkejut, sering mengetak dan pelbagai lagi. Bahkan ia turut mengganggu kehidupan harian seperti tidur, ingatan, selera makan serta keyakinan diri.

Mangsa juga berhadapan dengan masalah emosi berpanjangan seperti kemurungan dan kebimbangan. Bagi sesetengah kes, mangsa akan mengalami masalah seksualiti, ketagihan dadah, gangguan personaliti, masalah keyakinan diri, sukar mempercayai orang lain dan gagal dalam perhubungan. Juga terdapat kemungkinan mangsa cenderung melakukan perbuatan yang sama terhadap orang lain. Contohnya, kanak-kanak lelaki yang didera secara seksual misalnya, boleh berubah menjadi pemangsa apabila dia dewasa kelak.

“Rawatan psikologi dan bantuan profesional perlu dilakukan secara berterusan walaupun keluarga merasakan mangsa dapat menerima hakikat atas apa yang berlaku,” ujarnya yang turut menyarankan agar dua orang individu bertalian jantina mengelakkan diri daripada berduaan tanpa pengawasan.

Walaupun berapa lama sekalipun hukuman dijatuhkan, ia tidak mampu mengubah keadaan.

